

**'Jangan samakan bantuan kerajaan dengan dedak' - Najib
Astro Awani
Jun 23, 2016
Madiha Abdullah**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menegur tindakan sesetengah pihak yang menyamakan bantuan yang diberikan kerajaan kepada rakyat dengan dedak.

Dalam status yang dimuat naik ke akaun Facebook miliknya, Najib berkata, adalah tidak patut bantuan kerajaan seperti sekolah, rumah dan jalan, dilabel sebagai dedak, yang merupakan makanan yang diberikan kepada haiwan.

Tambah beliau, apa sahaja pemberian, ia adalah kerana kerajaan prihatin dengan situasi rakyat.

Beliau juga meminta agar pihak-pihak terbabit tidak menggunakan isu yang tidak masuk akal, hanya kerana sudah habis modal untuk menghentam kerajaan.

Tag: [Perdana Menteri](#), [Najib Razak](#), [dedak](#), [kerajaan](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-samakan-bantuan-kerajaan-dengan-dedak-najib-108992>